



1 FEBRUARI, 2021

KEPADA SEMUA PENGARANG BERITA

KENYATAAN MEDIA NUJ UNTUK EDARAN SEGERA

Kesatuan Kebangsaan Wartawan Semenanjung Malaysia (NUJM) menggesa kerajaan agar memberi perhatian kepada cabaran getir yang dihadapi oleh petugas media Malaysia yang kini berdepan cabaran bertugas dalam pandemik COVID-19.

Malah, sebahagian besar bekas kakitangan industri media berdepan nasib yang lebih malang apabila diberhentikan sejak tahun 2019 lagi.

Presiden NUJM, Farah Marshita Abdul Patah berkata dianggarkan lebih 3,000 kakitangan dalam industri media telah diberhentikan secara berperingkat sejak 2019 disebabkan oleh faktor kelembapan industri dan kesan pandemik COVID-19 yang berterusan.

"Lebih sukar, ada juga bekas kakitangan media yang diberhentikan tanpa sebarang pampasan disebabkan penutupan operasi secara mengejut. Sebahagian besar daripada mereka berdepan dengan situasi yang amat mencabar dalam mencari pekerjaan baharu disebabkan keadaan ekonomi yang tidak menentu.

"Bagi bekas pekerja yang menerima pampasan daripada majikan, kebanyakan daripada mereka telah menceburi pelbagai bidang perniagaan untuk meneruskan kelangsung hidup, namun pandemik yang berlarutan sejak 2019 telah memberi kesan besar kepada perniagaan mereka yang baru bertatih di pasaran," katanya.

Malah, Industri media dilihat terus suram untuk beberapa tahun akan datang dan perkembangan ini bukan sahaja memadam hasrat bekas kakitangan media ini untuk kembali berkhidmat di dalam industri ini, malah, turut mematikan semangat warga media yang masih bertugas dalam industri.

Dalam membuat liputan sepanjang penularan COVID-19, petugas media juga seolah diketepikan, sama ada dari segi kebajikan mahupun keselamatan.

Tiada peruntukan khas bagi membeli peralatan keselamatan, pemeriksaan kesihatan mahupun elaun perubatan diberikan kepada petugas media dalam membuat liputan seharian terutama di tempat-tempat berisiko.

Pihak NUJM berharap agar kerajaan dapat merangka program khas yang dapat membantu dan meringankan beban yang dihadapi petugas media dan bekas kakitangan industri ini dengan segera berikutan pengumuman Proklamasi Darurat sehingga Ogos tahun ini dilihat akan terus memberi tekanan kepada pemulihan industri ini.

"NUJM mencadangkan program-program yang berkonsepkan 'upskilling' dan 'reskilling', pembangunan usahawan digital, latihan pengurusan perniagaan & kewangan dan pelbagai program-program lain yang boleh memberi nilai tambah kepada mereka untuk terus bersaing dalam pasaran kerja serta perniagaan yang diceburi.

Selain itu, NUJM turut mencadangkan penubuhan tabung bencana bagi membantu petugas media yang ditimpa kemalangan ketika bertugas selain membolehkan bantuan kecemasan dihulurkan dengan kadar segera.

“Dalam situasi semasa yang cukup mencabar ini, bantuan dan sokongan daripada kerajaan amat dihargai serta dialu-alukan untuk membantu bukan sahaja ahli NUJM tetapi tetapi industri media secara menyeluruh,” jelasnya.

Sehubungan itu, NUJM bersedia untuk mengadakan perbincangan dengan pihak kementerian bagi merealisasikan harapan untuk memastikan kebajikan petugas media terjaga.

Bagi Pihak Ahli Jawatankuasa NUJ,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Farah Marshita'.

FARAH MARSHITA ABDUL PATAH
Presiden